

Headline	Maklumat biodiversiti di medium mudah alih		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	08 Jan 2013	Color	Full Color
Section	Mahkamah	Circulation	60,000
Page No	37	Readership	180,000
Language	Malay	ArticleSize	265 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 1,458
Frequency	Daily	PR Value	RM 4,373



# Maklumat biodiversiti di medium mudah alih

**INSTITUT** Penyelidikan Perhutanan Malaysia (Frim) berjaya melancarkan sebuah aplikasi mudah alih yang dikenali sebagai "MyCHM i-Newsletter" dengan sokongan pembiayaan daripada Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar (NRE).

Aplikasi ini adalah "iBook" berkenaan biodiversiti pertama di Malaysia dan boleh didapati percuma dengan muat turun daripada "iBook Store" atau secara terus dengan mengunjungi laman sesawang MyCHM di [www.chm.frim.gov.my](http://www.chm.frim.gov.my)

Aplikasi inovatif baru ini membolehkan biodiversiti dikenali masyarakat umum dengan cara lebih menarik melalui perantara terkini dan memaparkan informasi saintifik yang dihuraikan dengan cara mudah difahami.

MyCHM i-Newsletter ini dijangka dapat mewujudkan kesedaran dan penghargaan terhadap kekayaan biodiversiti Malaysia.

Aplikasi ini telah dirasmikan oleh Menteri Sumber dan Alam Sekitar, Datuk Seri Douglas Uggah Embas, bersempena Majlis Perasmian Seminar Biodiversiti (Seminar MyBioD 2012) ketiga yang diadakan di Kuala Lumpur, baru-baru ini.


Seminar selama dua hari ini dihadiri oleh seramai 150 peserta yang mewakili beberapa akademi, agensi kerajaan, badan bukan kerajaan (NGO) dan sektor swasta termasuk Sekretariat Konvensyen Kepelbagaian Biologi (CBD).

Ia merupakan langkah pertama dalam proses mengkaji semula Dasar Kepelbagaian Biologi Kebangsaan yang dibangunkan pada 1998 bagi memenuhi Strategi Kepelbagaian Biologi Global 2011-2020 serta 20 Sasaran Kepelbagaian Biologi Aichi.

Kedua-dua perkara itu telah diguna pakai oleh negara ahli CBD dengan mengambil kira kepentingan serta perkembangan baru dalam hala tuju pengurusan biodiversiti negara.

Acara ini mula dianjurkan oleh NRE buat kali pertama pada tahun 2010 dengan sokongan daripada Program Pembangunan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNDP) dan pihak berkepentingan ke arah meningkatkan kesedaran mengenai biodiversiti.

● SUMBER PORTAL FRIM



Kemudahan disediakan ini membolehkan orang ramai mendapatkan maklumat berkenaan biodiversiti.